

INSTITUT TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM

DISEDIAKAN OLEH:

1. Zainal Aabidin bin Osthman.

95447495(KM 11)

2. Khairulnizam bin Tahir.

95432133(KM 11)

3. Mohammad Razi bin Ismail Zainol.

95483636 (KM 11)

4. Muhammad Nazri bin Mat Isa.

95258520 (KM 10)

NAMA PENSYARAH:

DR. RAHIM BIN ATAN

KANDUNGAN.

BIL.	TAJUK	MUKA
1.	Kandungan	1
2.	Sekapur sirih	2
3.	Penghargaan	3
4.	Merekabentuk go-kart	6
5.	Pendahuluan	8
6.	Spesifikasi	15
7.	Mekanisma	21
8.	Kesimpulan	32
9.	Bibliography	33
10.	Lampiran.	

PENDAHULUAN.

Adapun kumpulan kami telah di pertanggungjawabkan untuk merekabentuk sebuah go-kart yang digunakan untuk rekreasi sahaja. Setelah berbincang sesama sendiri, kami bersetuju untuk membahagikan tugas-tugas diantara ahli iaitu :-

1. Kerja-kerja fabrikasi kerangka - En. Zainal Aabidin bin Osthman.
2. Merekabentuk - Muhammad razi bin Ismail Zainol.
3. Perkiraan - Khairulnizam bin Tahir.
4. Mekanisma - Muhammad Nazri bin Mat Isa.

Pengenalan rekabentuk kerangka.

Pada peringkat awal, kami telah berbincang bagi mengenalpasti dan membahagikan kerja yang akan dilakukan oleh setiap ahli. Kami mendapatkan petunjuk dari penasihat bagi memastikan bahawa projek yang akan kami jalankan ini berjaya dilakukan. Kemudian kami mencari rujukan akan rekabentuk go-kart ini dari perpustakaan dan lawatan ke kedai atau tempat pameran kereta go-kart ini.

Setelah mengenalpasti bahan dan komponen yang hendak digunakan dalam projek ini kami telah mendapatkan sumber-sumber tersebut dari kedai berkenaan dari segi harga dan penggunaannya. Kebanyakan bahan-bahan asas kami perolehi dari pihak ITM manakala bagi komponen kami membeli dari kedai berkenaan. Disebabkan kesukaran untuk mendapatkan komponen terpakai dengan harga yang berpatutan, kami telah mengambil masa selama enam bulan untuk mendapatkan barang-barang tersebut.

Setelah bahan dan komponen diperolehi, kami telah mula membuat rangka badan go-kart ini. Masa yang diambil bagi menyiapkan bahagian ini ialah selama tiga bulan memandangkan ia dibuat secara separuh masa. Dalam pada itu kami mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak di ITM kaedah pembuatan yang sesuai.

Semasa dalam proses pembuatan ini pelbagai rintangan yang kami hadapi untuk menyiapkan dengan kadar segera, antaranya ialah :

1. Bahan yang tidak menepati kehendak antara satu sama lain.
2. Bahan dan alat yang rosak.
3. Mesin yang sukar digunakan.
4. Alat-alat yang tidak mencukupi.
5. Masa yang tak mengizinkan.

Walau bagaimanapun kesemua masalah ini telah dapat kami atasi dengan bantuan penasihat dan juruteknik bengkel Kejuruteraan sehingga berjaya menghasilkan sebuah go-kart.

KAEDAH PEMBUATAN.

1. Penyambungan kerangka badan go-kart ini menggunakan mesin kimpalan arka.
2. Bahagian yang bengkok atau lengkung menggunakan mesin pembengkok (Bending machine).
3. Bahagian pemegang cakera, sprocket, hub, bush dan shaft kami gunakan mesin larik.
4. Mesin pemotong cakera dan mesin pencanai tangan digunakan untuk memotong dan mencanai kerangka tersebut.
5. Setelah siap bahagian & komponen tersebut, kami gunakan mesin gerudi untuk mencantumkan kesemua bahagian go-kart tadi.
6. Kedudukan enjin berada pada bahagian belakang tempat duduk di mana rantai nya bersambung terus dengan sprocket yang berada pada shaft tersebut.